

**Paul Low perlu berani menyokong IPCMC, kata DAP
Malaysian Insider
June 3, 2013
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 3 Jun — Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) wajar dilaksanakan, kata Setiausaha Publisiti DAP Tony Pua, di samping menggesa Datuk Paul Low (gambar) berani membuat keputusan selepas dilantik dalam Kabinet Datuk Seri Najib Razak.

Pua berkata dengan kedudukan bebas tidak mewakili mana-mana parti, Low sewajarnya membuat keputusan dengan tegas dan harus menjadikan rakyat sebagai kepentingan utama selepas dilantik sebagai Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.

"Kami merayu kepada hati nurani Datuk Paul Low yang sering bercakap tanpa rasa takut atau memihak dalam isu ketelusan dan kebertanggungjawaban pada masa lalu, untuk menjadi hati nurani rakyat di dalam kabinet BN.

"Beliau juga bebas tidak terikat dengan mana-mana parti politik," kata Pua dalam satu kenyataan hari ini.

Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara itu memberikan komen ekoran pendirian Low minggu lalu yang berkata penubuhan IPCMC tidak perlu memandangkan sudah memiliki mekanisme sedia ada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (EAIC).

Pua dalam kenyataannya lagi menegaskan DAP tetap dengan pendirian supaya IPCMC dilaksanakan demi kepentingan orang ramai memandangkan kes kematian dalam tahanan sangat membimbangkan, malah Low sendiri pada tahun 2009 pernah berkata penubuhan IPCMC adalah perlu.

"Sehingga semalam, kini terdapat tiga kematian dalam tahanan polis dalam tempoh hanya 11 hari, dan tujuh pada tahun 2013 sahaja. Tiada siapa yang telah dihukum.

"Malah Low sendiri pernah berkata kegagalan melaksanakan IPCMC adalah bukti ketakupayaan kerajaan untuk mengawal pihak berkuasa supaya mematuhi undang-undang. Suruhanjaya ini, yang merupakan syor Suruhanjaya Diraja 2005, telah dicairkan setelah mendapat bantahan pihak atasan Polis Diraja Malaysia," ujarnya lagi yang merujuk kepada kenyataan Low selepas Global Corruption Report 2009.

Satu Kumpulan Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Penahanan Sewenang-wenang 2010 (United Nations Working Group on Arbitrary Detention 2010) yang melawat penjara Malaysia dan pusat tahanan melaporkan pada 2011 bahawa antara 2003 hingga 2007, "seramai 1,500 orang mati semasa ditahan pihak berkuasa".

Kumpulan-kumpulan masyarakat sivil dan beberapa ahli politik daripada kedua-dua belah tanpa mengira jurang perbezaan juga menggesa pelaksanaan IPCMC bertujuan pembaharuan dalam pasukan polis sejak 2006.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/paul-low-perlu-berani-menyokong-ipc>

mc-kata-dap/